

## Apakah pandangan Islam mengenai hidup membujang seumur hidup?

Jawapan :

Islam tidak mengalakkan hidup membujang , iaitu tidak mahu berkahwin dengan maksud untuk tekun ibadah , menjauhkan diri dari kesenangan dunia dan menghindarkan diri dari kewajipan menjaga anak .

عن احمد بن حنبل انه قال " ليست العزبة من امر الاسلام في شيء " رواه للمزدوي

Maksudnya : "Hidup membujang bukan sebahagian dari tuntutan Islam ".

Jadi orang yang suka hidup membujang bererti tidak beramal dengan sunnah Rasulullah s.a.w sbahagian sabdanya :

عن انس ابن مالك رضي الله عنه , ان النبي صلى الله عليه وسلم قال " لكني انا اصلي , واصوم , وافطر واتزوج النساء , فمن رغب عن سنتي فليس مني " متفق عليه .

Maksud : " Dari Anas bin Malik r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda " Aku sendiri berpuasa dan berbuka , sembahyang dan tidur dan aku juga mengahwini perempuan . Sesiapa yang tidak menyukai sunnahku maka dia bukan dari kalangan aku ".